

TARIKH : 13 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1 & 22

Tiga sebab rakyat Malaysia tak rasai limpahan pertumbuhan ekonomi: Bank Dunia

Tiga sebab rakyat Malaysia tak rasai limpahan pertumbuhan ekonomi: Bank Dunia

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 8.7 peratus tahun lalu, iaitu tertinggi dalam tempoh 22 tahun, namun rakyat mendakwa mereka tidak menikmati kesan limpahan daripada pencapaian itu.

Bank Dunia menjelaskan perkara berkenaan berlaku disebabkan tiga faktor utama dan salah satunya

ialah pendapatan benar per kapita yang masih rendah daripada paras sewajarnya berdasarkan unjuran pada tempoh prapandemik.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Dunia (Malaysia), Dr Apurva Sanghi, berkata dua lagi faktor ialah kelemahan Ringgit serta langkah mengeluarkan tabungan persaraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bisnes 22

Kelemahan ringgit jejas B40

Dari muka

Beliau berkata, pada tahun lalu, ekonomi negara ini berkembang kukuh dengan perangkaan rasmi menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang 8.7 peratus pada 2022.

Katanya, berdasarkan perangkaan menunjukkan pendapatan benar per kapita Malaysia secara umumnya meningkat, namun ia masih di bawah unjuran paras yang sepatutnya dicapai dalam situasi 'menyakitkan'.

"Pendapatan benar per kapita adalah ukuran makro yang jauh lebih baik bagi mengukur kesejahteraan ekonomi negara dan bukan kadar pertumbuhan.

"Kadar pertumbuhan yang lebih pantas membawa kepada tahap pendapatan yang lebih tinggi dan ini baik.

"Namun, perangkaan yang ada menunjukkan pendapatan benar per kapita Malaysia masih di bawah paras ketika prapandemik," katanya dalam ciapan di Twitter mengulas mengenai prestasi ekonomi Malaysia 2022.

Berdasarkan perkiraan data yang ada, sepatutnya pendapa-

tan benar per kapita Malaysia meningkat kepada kira-kira RM48,000 pada 2022, sebaliknya ia berada pada sekitar RM45,000.

Pada 2019, pendapatan benar per kapita Malaysia adalah sekitar RM43,000.

Mengenai Ringgit, kelemahan pada tahun lalu menjejaskan penghidupan rakyat, khususnya kumpulan B40 walaupun kedudukan mata wang yang rendah itu menyokong eksport dan pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata, kelemahan ringgit menjadikan import barangan menjadi lebih mahal dan ini menjejaskan kumpulan B40.

Katanya, Malaysia membelanjakan kira-kira lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk import makanan.

"Kira-kira 25 peratus B40 membelanjakan untuk makanan berbanding kira-kira 12 peratus oleh kumpulan T20. Jadi, anda akan melihat betapa B40 terkesan," katanya.

Tahun 2022 memperlihatkan peningkatan kadar inflasi pada peringkat global susulan keangan bekalan yang dicetuskan

konflik Ukraine-Russia, yang mendorong bank pusat di seluruh dunia menaikkan kadar faedah.

Peningkatan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) secara agresif bagi mengekang inflasi di negara itu berjaya mengukuhkan dolar AS, sekali gus memberi kesan terhadap prestasi Ringgit.


Mengenai pengeluaran simpanan KWSP, Sanghi berkata, pengeluaran simpanan persaraan itu memberi kecairan segera kepada mereka yang memerlukan, yang mana ia baik untuk mereka.

Namun, beliau berkata, pengeluaran berkali-kali akan menjejaskan simpanan untuk hari tua.

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan paling tinggi dalam tempoh 22 tahun sejak 2000 apabila berkembang pantas 8.7 peratus pada 2022, sekali gus mencatat pencapaian terbaik dalam kalangan negara Asia Tenggara.

Pada suku terakhir 2022, ekonomi negara berkembang 7.0 peratus dipacu oleh permintaan dalam negara yang kukuh, sekali gus menyokong pertumbuhan bagi keseluruhan tahun lalu mengatasi unjuran awal sekitar 6.5 peratus hingga 7.0 peratus.

Pendapatan benar per kapita Malaysia



Sumber: Bank Dunia berdasarkan data DOSM

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan kukuh yang dicatatkan pada hujung 2021, dengan berkembang 5.0 peratus pada suku pertama 2022.

Momentum positif itu berterusan dengan memperlihatkan

kan KDNK berkembang di luar jangkaan sebanyak 8.9 peratus pada suku kedua dan terus berkembang pantas 14.2 peratus pada suku ketiga 2022, mencatat pertumbuhan terbaik di Asia Tenggara.